




MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
Jalan Perda Utama, Bandar Perda,
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.
Tel: 04-5497555 Faks: 04-5389700
Website: www.mpasp.gov.my
Email: webmaster@mpsp.gov.my



MPSP

MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI



MAJLIS PENERIMAAN JAWATAN AHLI MAJLIS 2014

Buletin MPSP
Bil.01/2014

Keluaran
Jan-April 2014



PROGRAM MPSP



16



MAJLIS PELANCARAN ANUGERAH KOMUNITI MAMPAN 2014

Local Agenda 21 MPSP (LA21) merupakan satu program yang melibatkan pihak PBT, masyarakat dan sektor swasta bekerjasama dalam menguruskan kawasan persekitaran ke arah pembangunan mampan dan kualiti hidup yang lebih tinggi.

Pada 8 Januari 2014, Pelancaran Anugerah Komuniti Mampan 2014 telah diadakan di Auditorium MPSP. Majlis ini telah dirasmikan oleh Y.B. Phee Boon Poh (EXCO Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar). Menurut Tuan Yang Dipertua, anugerah ini adalah untuk memberikan pengiktirafan kepada inisiatif-inisiatif hijau yang dijalankan oleh komuniti dalam menjaga kualiti alam sekitar dan kemampan komuniti seperti yang termaktub di dalam Pelan Tindakan Local Action 21 Seberang Perai.

Menurutnya lagi, MPSP boleh menjimatkan lebih banyak sumber pendapatan sekiranya dapat mengurangkan kekerapan kutipan sampah di sekitar Seberang Perai daripada tiga kali seminggu kepada sekali seminggu. Disamping itu, pendekatan bersepadu dalam menguruskan sumber memerlukan semua pihak bekerjasama dalam mengurangkan penghasilan sisa pepejal dan pembuangan sampah.

Penerima Anugerah Komuniti Mampan akan memperoleh ganjaran berbentuk wang tunai dan sijil kepujian. Penaja anugerah ini adalah syarikat Flextronics Technology (Penang) Sdn Bhd dan telah menyumbang wang tunai sebanyak RM11,500.00 sebagai hadiah kepada penyertaan yang berjaya melaksanakan komuniti mampan.



1



PERHIMPUNAN KORPORAT

2 April 2014 - Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) Puan Maimunah Mohd Sharif pada Perhimpunan Korporat yang berlangsung di Ruang Lobi Ibu Pejabat MPSP telah memperkenalkan kepada semua staf MPSP mengenai Visi dan Misi baru MPSP yang telah dirangka bersama Ahli-Ahli Majlis dan juga Pelan Strategik bagi tempoh lima tahun iaitu daripada tahun 2014 hingga tahun 2018.

Selain itu, beliau juga turut menggesa semua warga MPSP menjadikan 9 Fokus MPSP yang mempunyai 49 program dan 124 pelan tindakan ini sebagai agenda dalam mesyuarat sama ada di peringkat Jabatan / Bahagian / Unit.



Di dalam perhimpunan tersebut, beliau turut menekankan bahawa dalam menjana pendapatan MPSP, ia bukan sahaja diperolehi melalui bayaran cukai taksiran tetapi juga bayaran bukan cukai seperti lesen, permit, bayaran pemajuan, kompaun, denda dan lain-lain lagi. Hal ini kerana MPSP tidak akan meningkatkan kadar cukai pada tahun 2014.

KURSUS INDUKSI AHLI MAJLIS BAGI TAHUN 2014

28 Feb 2014 - Kursus Induksi merupakan acara tahunan yang diadakan setiap kali terdapat pelantikan Ahli Majlis baru yang bertujuan sebagai salah satu penambahbaikan dari segi pengetahuan dan pelaksanaan dalam menguruskan sebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang besar seperti Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Kursus pada kali ini yang diadakan di Auditorium MPSP diisi dengan taklimat berkaitan perundangan yang dilaksanakan di MPSP sebagai panduan dalam melaksanakan dan menguruskan satu Pihak Berkuasa Tempatan seperti MPSP.

Fokus utama kursus ini dianjurkan adalah untuk memberi dan menambah pengetahuan kepada Ahli Majlis MPSP yang baru dilantik dan sebagai peringatan semula kepada Ahli Majlis MPSP yang dilantik semula.

Selain itu, ia juga turut menambah pengetahuan dan pemahaman berkaitan peranan dan fungsi Ahli Majlis di dalam Pihak Berkuasa Tempatan selain memberikan pendedahan mengenai Akta, Undang-Undang, Prosedur dan Peraturan yang digunakan di MPSP.





MAJLIS PECAH TANAH PASAR AWAM PERKAMPUNGAN JURU

Pada 5 Jan 2014 telah diadakan Majlis Pecah Tanah Pasar Awam Perkampungan Juru dan majlis ini disempurnakan oleh Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang. Pembinaan Pasar Awam Perkampungan Juru telah bermula sejak Disember 2013 yang lalu. Projek pasar awam ini mempunyai elemen-elemen berkonsepkan bangunan hijau yang lebih dekat dengan alam sekitar dan mesra pengguna.

Projek Pasar Awam Perkampungan Juru adalah bersesuaian untuk menggantikan tapak lama pasar yang mempunyai ruang meniaga yang terhad dan sejajar dengan perkembangan pesat penduduk sekitar yang semakin padat serta lokasinya yang strategik yang menjadi tumpuan umum.

Selain itu, dengan pembinaan Pasar Awam Perkampungan Juru juga, penduduk di sini akan lebih selesa dengan kemudahan yang disediakan malah persatuan peniaga juga boleh bekerjasama dengan MPSP untuk mengurangkan sampah di tapak pelupusan sampah di samping menjana pendapatan sampingan melalui membuat sisa kompos dari bahan buangan buah-buahan, sayur-sayuran, ikan dan kitar semula.



MAJLIS CABUTAN BERTUAH DAN PENYAMPAIAN HADIAH SEMPERA PROMOSI CUKAI PINTU 2014

Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah mengadakan Majlis Cabutan Bertuah Dan Penyampaian Hadiah Sempena Promosi Cukai Pintu 2014 pada 27 Feb 2014 di perkarangan Lobi Ibu Pejabat MPSP. Dalam majlis tersebut para pemenang telah menerima hadiah masing-masing yang terdiri daripada barangan elektrik, *smartphone* dan hadiah utama iaitu basikal bagi menggalakkan lagi penduduk Seberang Perai beriadah dan meningkatkan taraf kesihatan yang lebih baik.



Seperti yang diketahui umum, hasil dari cukai pintu merupakan sumber utama pendapatan Majlis. Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai, Puan Maimunah Mohd Sharif berkata melalui program seumpama ini, MPSP dapat menambahkan hasil dan mengukuhkan kedudukan kewangan. Hasil ini juga dapat membantu Majlis merancang untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada pembayar cukai.

MAJLIS PERASMIAN ANUGERAH SEKOLAH HIJAU 2014

20 Jan - Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah memilih Sekolah Menengah Sains Tun Syed Sheh Shahabuddin sebagai lokasi utama pelancaran Majlis Perasmian Anugerah Sekolah Hijau 2014.

MPSP juga menggariskan beberapa kriteria yang penting kepada sekolah yang ingin mengambil bahagian dalam Anugerah Sekolah Hijau merangkumi aspek perancangan dan pengurusan, amalan sisa sifar, kebersihan dan penghijauan, pengurusan sumber ke arah meningkatkan kecekapan dan penjimatan, program inovasi dan kreativiti dan penglibatan komuniti.



MPSP dengan kerjasama agensi-agensi seperti Continental Automotive Components Malaysia Sdn Bhd dan Guppy Plastics Industries Sdn Bhd sentiasa menggalakkan aktiviti-aktiviti bertemakan pemeliharaan alam sekitar seumpama ini terutamanya di sekolah dengan harapan dapat mendidik pelajar di sekolah mencintai alam sekitar seterusnya melahirkan generasi masa depan yang mesra alam dan para pelajar ini dapat memberi pendidikan kepada ibu bapa, saudara mara mereka tentang kecintaan kepada alam sekitar.



MAJLIS PELANCARAN PENGURUSAN SISA ORGANIK DOMESTIK (SISA SIFAR)

12 Jan - Park View Butterworth telah dipilih oleh Climate and Clean Air Coalition / Bank Dunia berdasarkan kepada komitmen tinggi mereka dalam menjalankan aktiviti pengurusan sisa organik domestik seterusnya ia turut akan dijadikan "pilot project" oleh Climate and Clean Air Coalition / Bank Dunia.

Disamping itu, Park View Butterworth juga boleh dijadikan contoh atau *role model* untuk pendidikan sisa sifar jika program yang dirancang dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh. Malah melalui aktiviti kitar semula dan pengkomposan, ia dapat mengurangkan kuantiti sampah yang dihantar ke tapak pelupusan.

Untuk memastikan program ini berjalan dengan lancar, kerjasama diantara pihak NGO dan MPSP dalam program-program seperti sebegini amat dialu-alukan kerana ia dapat memupuk satu ikatan kearah mewujudkan betapa pentingnya kita mengurangkan penjejakan sisa pepejal atau sampah sarap.





M/S

MAJLIS PELANCARAN ANUGERAH KOMUNITI MAMPAN 2014	1
ASIAN REGIONAL CONFERENCE "GENDER RESPONSIVE BUDGETING (GRB) NARRATIVES :TRANSFORMING INSTITUTIONS, EMPOWERING COMMUNITIES"	2
KURSUS INDUKSI AHLI MAJLIS BAGI TAHUN 2014	3
MAJLIS PENERIMAAN JAWATAN AHLI MAJLIS TAHUN 2014	4
MAJLIS CABUTAN BERTUAH DAN PENYAMPAIAN HADIAH SEMPENA PROMOSI CUKAI PINTU 2014	5
MAJLIS PELANCARAN ANUGERAH KITAR SEMULA SEKOLAH TADIKA DAN PENGUMPULAN BEKAS POLISTERINA	6
MAJLIS PELANCARAN PENGURUSAN SISA ORGANIK DOMESTIK (SISA SIFAR)	7
MAJLIS PENGHARGAAN PESARA TAHUN 2014 DAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2013	8
MAJLIS PENUTUPAN BENGKEL KITAR SEMULA KREATIF	9
MAJLIS PERASMIAN ANUGERAH SEKOLAH HIJAU 2014	10
MAJLIS PERASMIAN PROJEK CSR ANJUNG BAGAN	11
MAJLIS PECAH TANAH PASAR AWAM PERKAMPUNGAN JURU	12
MAJLIS PERASMIAN PROJEK PENGURUSAN SISA ORGANIK CCAC / BANK DUNIA	13
PERHIMPUNAN KORPORAT	14
PROGRAM LAWATAN	15
PROGRAM MPSP	16
PROGRAM KECERGASAN	17





ASIAN REGIONAL CONFERENCE " GENDER RESPONSIVE BUDGETING (GRB) "

NARRATIVES :TRANSFORMING INSTITUTIONS, EMPOWERING COMMUNITIES"

Pada 24 hingga 25 Februari yang lalu, telah berlangsung sebuah persidangan yang bertajuk "Gender Responsive Budgeting (GRB) Narratives : Transforming Institutions, Empowering Communities" di Bayview Hotel George Town.



PROGRAM LAWATAN



MAJLIS PENERIMAAN JAWATAN AHLI MAJLIS 2014



Seramai 24 orang Ahli Majlis telah mengangkat sumpah di Dewan Kenanga MPSP pada 9 Januari 2014 yang lalu. Ahli-ahli Majlis yang terdiri daripada parti DAP, PKR, PAS dan NGO telah mengangkat sumpah di hadapan Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang.

Ketua Menteri dalam ucapannya menegaskan kepada semua Ahli Majlis dan warga MPSP agar tidak mempunyai sikap bekerja sambil lewa. Tambah beliau, demi membawa MPSP ke arah kecemerlangan, Ahli-ahli Majlis dan kakitangan MPSP perlu menekankan budaya kerja yang positif dengan melaksanakan Prinsip 3S iaitu mempunyai sistem kerja yang baik, sikap yang positif dan semangat berpasukan.

Dalam pada itu, Tuan Yang Dipertua dalam ucapannya berharap agar gabungan yang mantap antara pihak pengurusan dan Ahli Majlis dapat mempertingkatkan sistem penyampaian dan mutu perkhidmatan MPSP kepada masyarakat dan memenuhi kehendak dan harapan *stakeholder*.

4



Upacara mengangkat sumpah tersebut turut dihadiri oleh Y.B. Dato' Mohd Rashid Hasnon (Timbalan Ketua Menteri 1), Y.B. Prof. Dr. P.Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri 2), Y.B. Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir) dan Y.B. Datuk Farizan Darus (Setiausaha Kerajaan Negeri). Hadir sama, beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Ahli Parlimen lain.

PERASMIAN PROJEK PENGURUSAN SISA ORGANIK CACC/BANK DUNIA TAMAN PANDAN BUTTERWORTH



Pangsapuri Taman Pandan, Butterworth merupakan salah satu kawasan yang telah terpilih untuk menyertai projek bersama Climate and Clean Air Coalition (CACC) / Bank Dunia.

Projek ini adalah bertujuan untuk membuat kajian untuk mengkaji amalan baik pengurusan sisa pepejal terutama sisa organik dan hasil daripada kajian ini akan digunakan oleh Kerajaan Negeri dalam menggubal polisi *Segregation At Source*.

Menurut Tuan Yang Dipertua, Pulau Pinang merupakan antara lima bandar di Asia yang terpilih untuk menyertai projek perintis ini. Menerusi projek kajian perintis ini, satu garis panduan penyediaan dasar, teknologi, kewangan dan penyertaan pihak swasta akan dihasilkan. Di Seberang Perai, tiga lokasi yang dipilih adalah Park View, Pangsapuri Taman Pandan dan PPR Ampangan. Pangsapuri Taman Pandan telah mula menjalankan aktiviti mengumpul barang kitar semula sejak tahun 2002 yang lalu.

Projek perintis ini dirasmikan oleh Y.B. Phoe Boon Poh, Exco Kebajikan & Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar. Turut hadir sama, Ahli-Ahli Majlis MPSP, Tuan Sr Haji Rozali Mohamud (Setiausaha Perbandaran), Encik Tan Ah Kuang (Naib Pengerusi Perbadanan Pengurusan Pangsapuri Taman Pandan) serta para penduduk.



13



MAJLIS PELANCARAN ANUGERAH KITAR SEMULA SEKOLAH TADIKA DAN PENGUMPULAN BEKAS POLISTERINA

22 April - Bertempat di Konkus Megamall Pinang telah berlangsung Majlis Pelancaran Anugerah Kitar Semula Sekolah Tadika Dan Pengumpulan Bekas Polisterina yang diadakan untuk memberi pengiktirafan kepada sekolah-sekolah tadika yang terlibat dalam program 4R iaitu *Rethink, Reduce, Reuse, dan Recycle*.

Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) turut memberi penekanan kepada kanak-kanak tadika kerana golongan ini lebih senang dibentuk untuk diberi pendidikan awal mengenai alam sekitar.

Selain itu, MPSP juga mengambil inisiatif dengan menganjurkan bengkel yang menyediakan kaedah latihan sesuai untuk pelajar tadika yang turut dibantu oleh tenaga pengajar mereka yang lebih berpengalaman.

Selaras dengan pelancaran program ini, kempen Pelancaran Pengumpulan Bekas Polisterina juga turut diadakan yang mana mendapat sokongan penuh daripada MPSP. Program ini dimulakan dengan peringkat pendidikan dan kesedaran terhadap risiko dan keburukkan akibat penggunaan polisterina sebagai bekas menyimpan makanan dan minuman.

Disamping itu, bagi menjayakan program Pengumpulan Bekas Polisterina, MPSP telah menghantar Notis Larangan Penggunaan Polisterina kepada semua premis perniagaan yang terlibat di Seberang Perai dan semua penyewa gerai Majlis juga telah diingatkan untuk tidak menggunakan polisterina dalam pembungkusan makanan.



MAJLIS PERASMIAN PROJEK CSR ANJUNG BAGAN



4 Jan - Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dengan tajaan Tah Wah Group telah menaiktaraf landskap di Anjung Bagan di bawah Program CSR yang telah siap sepenuhnya pada 26 September 2013 yang lalu.

Dalam projek yang melelan perbelanjaan sebanyak RM 350 ribu ini, terdapat pelbagai aspek telah dinaiktaraf untuk kemudahan penduduk setempat merangkumi taman landskap, pencahayaan lampu hiasan, dan juga peralatan senaman luar (*outdoor gym*).

Selain itu, dengan penaiktarafan fasiliti di Anjung Bagan semua pengunjung diminta untuk menjaga kebersihan kerana fungsi taman awam memainkan peranan yang penting untuk orang ramai beriadah, menjalankan aktiviti luar yang mampu menyihatkan tubuh badan serta satu gaya hidup sihat.

Melalui projek CSR yang dianjurkan bersama 4P's (*Public-Private-People Partnership*) atau (CSR + 4P's) ini dapattlah kita bersama-sama berusaha mempertingkatkan kesihatan penduduk Seberang Perai amnya.



MAJLIS PENGHARGAAN PESARA TAHUN 2014 DAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2013

18 Mac - Di atas sumbangan dan pencapaian cemerlang yang telah diberikan kepada MPSP, seramai 149 pegawai dan kaki tangan dan juga 126 pesara telah diraikan dalam satu majlis yang penuh bermakna di Dewan Kompleks Sukan Bertam, Kepala Batas.

Tuan Yang Dipertua didalam ucapannya menegaskan agar beberapa aspek yang perlu diberi penekanan dalam memastikan kejayaan setiap yang dirancang mencapai matlamat objektif yang diingini berlandaskan Prinsip 3S iaitu Sikap, Sistem dan Semangat Berpasukan.

MPSP sentiasa menekankan aspek amalan budaya kerja berkualiti tinggi di kalangan kakitangan agar kualiti penyampaian perkhidmatan Majlis Perbandaran Seberang Perai dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa sehingga dapat memperoleh pencapaian di tahap yang amat membanggakan.

Selain itu, beliau juga turut menggesa semua penerima anugerah yang terpilih dan juga yang tidak terpilih agar mengekalkan semangat bekerja dalam sebuah pasukan dan terus bersatu hati mempamerkan kecemerlangan prestasi kerja MPSP yang dikenali sebagai pihak berkuasa tempatan yang unggul di Malaysia.



MAJLIS PENUTUPAN BENGKEL KITAR SEMULA KREATIF

10 Jan - Penduduk Perkampungan Permatang Nibong mula terlibat aktif dengan program komuniti sejak tahun 2012 sehingga kini terutamanya dalam menjalankan program pengkomposan sisa dapur.

Pelbagai aktiviti komuniti telah dijalankan di sini dan penyertaan daripada penduduk Perkampungan Permatang Nibong sangat memberangsangkan sehingga 1,120 kg sisa makanan berjaya dikutip untuk dikomposkan.

Selain itu, penduduk Perkampungan Permatang Nibong juga menjalankan kebun kejiranan (*community farming*), dan juga melibatkan diri dalam menjahit bahan-bahan plastik di bawah kerjasama MPSP dengan SVAC Viro Green Sdn Bhd. SVAC Viro Green Sdn Bhd dan rantaianya Kilus Cooperative Foundation, Filipina yang melatih penduduk setempat untuk mengguna semula pembungkus plastik yang tidak dapat dikitar semula atau dibuang sebagai sampah untuk dijadikan beg.

